

30 APR 1996

MAHATHIR BERLEPAS KE BRUNEI UNTUK LAWATAN KERJA SEHARI

KUALA LUMPUR, 30 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berlepas ke Bandar Seri Begawan hari ini bagi lawatan kerja sehari ke Brunei untuk memperkukuhkan lagi hubungan dua hala.

Semasa lawatan itu, beliau dijangka mengadakan perbincangan dengan Sultan Hassanah Bolkiyah di Istana Nurul Iman.

Dr Mahathir juga akan menemui wakil-wakil Masyarakat Malaysia di kediaman Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Brunei, Haji Salim Hashim, di Bandar Seri Begawan pada pagi esok sebelum bertolak ke Pulau Layang-Layang dan Labuan.

Isteri Perdana Menteri Datin Seri Dr Siti Hasmah, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Abang Abu Bakar Mustapha dan pegawai-pegawai kanan kerajaan berada di Lapangan Terbang Antarabangsa Sultan Abdul Aziz Shah untuk mengucapkan selamat jalan kepada Dr Mahathir. -- BERNAMA

MAM PR